

Headline	Jangan sekat kreativiti anak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	125,514
Page No	8	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	571 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 19,683
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,049



# Jangan sekat kreativiti anak

» Ibu bapa perlu bantu, beri peluang permata hati terokai dunia sekeliling

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof  
afzan@bh.com.my

Tidak boleh main hujan, atau 'tidak boleh membela kucing.'

Sekiranya anda ibu, lebih banyak berkata 'tidak' untuk permintaan anak, secara tidak langsung anda sebenarnya menyekat kreativiti anak yang pada hakikatnya suka meneroka.

Tanpa disedari, perkataan 'mudah' seumpama itu boleh melunturkan nilai murni dalam diri anak. Anda mungkin tidak sedar, lantaran sibuk dengan urusan keluarga dan kerjaya. Hal ini diakui dua ibu, Low Ngai Yuen dan Aliza Yasmin Yahya yang lebih banyak berkata 'tidak' terhadap permintaan anak mereka.

"Salah satu permintaan yang terpaksa saya akur semasa eksperimen ini adalah untuk membenarkan semua anak-anak saya bermain dalam hujan dengan matlamat untuk menangani masalah

anak perempuan saya, Zi Yi, yang takutkan air. Ia ternyata menjadi satu pengalaman yang benar-benar menyeronokkan bagi anak-anak, termasuk saya, walaupun saya terpaksa melengkapkan mereka dengan baju hujan, melindungi mereka dengan payung dan memandikan mereka dengan air panas! Kini Zi Yi sudah tidak takut apabila terkena air pada mukanya," jelas Low.

Beliau berkongsi cerita itu pada majlis Terokai Pengalaman Yang Menakjubkan Bersama Friso Gold™ yang diadakan di ibu negara, baru-baru ini. Yang hadir sama, Pengurus Pemasaran Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia), Wong Vai Chi dan Perunding Pediatrik, Dr Khoo Phaik Choo.

## Bantu terokai dunia

Aliza Yasmin yang lebih senang dikenali sebagai Liz dan Low terabit dalam YES Experiment, salah satu promosi dimuatkan dalam Kempen Terokai Pengalaman Yang Menakjubkan Bersama Friso Gold™.

Menerusi YES Experiment, kedua-



Ibu bapa tidak perlu bimbang jika anak jatuh sakit sewaktu menikmati pengalaman di luar kerana ia akan mengukuhkan daya tahan mereka. Ini kerana 80 peratus daripada imuniti terletak pada sistem pencernaan. Menguatkan sistem penghadaman adalah perlindungan yang terbaik daripada jangkitan"

Dr Khoo Phaik Choo, Perunding Pediatrik

dua wanita terabit dirakam dalam bentuk video, menunjukkan bagaimana pengalaman boleh membantu ibu dan anak untuk bersama-sama menerokai dunia dan mengeratkan lagi hubungan antara mereka.

Dalam YES Experiment, mereka berdua harus bersetuju dengan permintaan munasabah daripada anak selama lima minggu berturut-turut, termasuk impian anak memelihara haiwan peliharaan.

Liz seorang jurutera dan penulis blog serta ibu kepada dua cahaya mata berusia enam dan dua tahun, mengakui terlalu mengawal anak. Anak lelaki sulungnya, Aiden Irfan Ahmad Siddiq, 6, tidak pernah dibenarkan memelihara haiwan peliharaan kerana bimbang dengan kebersihan dan kesihatannya.

"Bagaimanapun, apabila saya mendapatkannya seekor arnab, beliau mengejutkan saya dengan menunjukkan dia adalah seorang anak yang bertanggungjawab. Ini membuktikan, dengan hanya berkata 'ya', beliau memberi pengalaman yang bermakna buat kami dalam memupuk sikap bertanggungjawab dalam diri," katanya.

## Beri galakan

Sementara itu, Dr Khoo berkata, sekiranya terlalu kerap berkata 'tidak' kepada anak kerana halangan faktor

kebersihan atau kesihatan, ia sebenarnya boleh menghalang si kecil daripada meneroka persekitaran atau mungkin terlalu bergantung kepada ibu bapa, selain menunjukkan sikap negatif.

"Ibu bapa harus menggalakkan anak mereka belajar dan berkembang menerusi penemuan serta pengalaman di sekeliling dunia mereka, terutama di luar rumah.

"Ibu bapa tidak perlu bimbang jika anak jatuh sakit sewaktu menikmati pengalaman di luar kerana ia akan mengukuhkan daya tahan mereka. Ini kerana 80 peratus daripada imuniti terletak pada sistem pencernaan.

"Menguatkan sistem penghadaman adalah perlindungan yang terbaik daripada jangkitan," katanya.

Dr Khoo berkata, bermain boleh ditakrifkan sebagai cara kanak-kanak belajar tanpa diajar oleh orang dewasa melalui pengembaraan dan pengalaman yang membabitkan komponen fizikal, kognitif dan sosial secara spontan.

"Sebaiknya, ibu bapa perlu mengambil manfaat pengalaman menyeronokkan bersama si kecil dan teknik keibubapaan secara positif dengan meluangkan masa berkualiti melakukan aktiviti bersama-sama anak," katanya.



Dari kiri; Aliza Yasmin, Low Ngai Yuen, Wong Vai Chi, Pakar Nutrisi Dutch Lady, Loo Mei Fong dan Dr Khoo Phaik Choo pada majlis Terokai Pengalaman Yang Menakjubkan Bersama Friso Gold™, baru-baru ini.

[ FOTO HALIMATON SAADIAH SULAIMAN / BH ]